

# Penjawat awam tak mengaku salah guna kedudukan

**Tawau:** Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menyalahgunakan kedudukan untuk meluluskan dokumen pembelian kenderaan bernilai RM15,000 kepada isterinya, tiga tahun lalu.

Mohaidy Tabin, 43, yang juga Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) di Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sabah, memohon dibicarakan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa menyalahgunakan kedudukannya ketika berkhidmat selaku Ketua Cawangan dan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga di Pejabat Jabatan Insol-

vensi Malaysia Cawangan Tawau, bagi mendapatkan suapan.

Tertuduh didakwa memilih isterinya, Faizah Noor Fauzi sebagai penyebut harga yang berjaya dalam sebut harga kenderaan lupus jenis Toyota Fortuner 2.7V milik agensi terbabit.

Kesalahan didakwa dilakukan di Pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia, di sini, pada 18 Oktober 2018, dengan pendakwaan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Rekhraj Singh, manakala tertuduh diwakili peguam Jhesseny P Kang.

Mahkamah menetapkan tertuduh diikat jamin RM9,000 dengan seorang penjamin, selain perlu melapor diri sebulan sekali di pejabat SPRM Kota Kinabalu dengan pasportnya diserahkan kepada mahkamah.

Selain itu, tertuduh dilarang mengganggu atau menghubungi mana-mana saksi pendakwaan sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuk melalui pihak ketiga selain tidak dibenarkan meninggalkan Sabah kecuali dengan permohonan dan kebenaran mahkamah sepanjang tempoh kes dibicarakan.

Pengurusan kes ditetapkan 8 April depan.